

01 DEC 1999

Lima-Kontrak

KEPAKARAN AEROANGKASA MALAYSIA MASUKI PASARAN ANTARABANGSA

LANGKAWI, 1 Dis (Bernama) -- Beberapa syarikat aeroangkasa Malaysia memasuki pasaran dunia dengan menandatangani tiga kontrak besar dalam satu persaingan hebat peringkat antarabangsa pada Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1999 (LIMA'99) di sini.

Naib Presiden Eksekutif British Aerospace bagi Malaysia Robert Kemp hari ini berkata syarikat-syarikat itu tergolong antara yang paling berdayasaing di negara ini.

Mereka ialah;

- * Exelnet, yang memenangi kerja reka bentuk pertama dari luar United Kingdom bagi kecanggihan maritim Nimrod 2000;

- * CTRM, yang dianugerahkan kontrak oleh British Aerospace-Airbus untuk menyediakan teknologi komposit bagi program membangunkan sayap Airbus; dan

- * SME Aerospace, yang menyediakan pelbagai alat ganti bagi penerbangan penumpang serantau Avro RJ.

Kontrak itu bernilai kira-kira RM50 juta, walaupun tidak terlalu besar, menandakan pengiktirafan dunia terhadap keupayaan syarikat-syarikat tempatan, katanya pada pameran Lima '99 di sini.

Pameran selama enam hari itu, telah menarik kira-kira 1,000 syarikat tempatan, serantau dan antarabangsa, termasuk British Aerospace, dirasmikan hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia merupakan majlis rasmi pertama beliau selepas memandu 14 parti gabungan Barisan Nasional (BN) kembali berkuasa pada pilihan raya umum Isnin lepas.

Segmen maritim Lima dianjurkan oleh HW LIMA dan sektor aeroangkasa, LIMA Le Proton.

-- BERNAMA

TEAM/GM RHM